

**FAKTOR PEMILIHAN PENGINAPAN OLEH PELANCONG DOMESTIK DI  
PORT DICKSON:  
PERBANDINGAN TERHADAP KONSEP PERUBAHAN PERMINTAAN  
PELANCONGAN**

**NORHAYATI BINTI SOOD**

Projek sarjana ini dikemukakan sebagai memenuhi  
syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Muda

(Perancangan Bandar dan Wilayah)

Fakulti Alam Bina  
Universiti Teknologi Malaysia

**MEI 2008**

## ABSTRAK

Kajian ini dilakukan bertujuan untuk menguji keberkesanan 'Konsep Perubahan Permintaan' oleh Smith, (1995), dan mengenalpasti faktor pemilihan penginapan dalam konteks pelancong domestik di Port Dickson. Hal ini kerana menurut Smith, (1995) berdasarkan konsep neoklasikal, permintaan terhadap kawasan penginapan hanya mempunyai satu pemboleh ubah iaitu harga. Ini bermakna pada ketika itu, faktor harga utama yang di ambil kira dalam pemilihan kawasan penginapan. Smith (1995) telah memperkenalkan konsep baru iaitu 'Konsep Perubahan Permintaan', yang menerangkan bahawa dengan perubahan masa dan gaya hidup masyarakat kini, perubahan permintaan telah berlaku dimana harga bukan lagi menjadi faktor utama dalam pemilihan kawasan penginapan. Sebaliknya terdapat faktor-faktor lain yang diambilkira. Oleh itu, kajian dilakukan bagi mengenalpasti adakah faktor harga masih menjadi faktor utama bagi pelancong domestik dalam pemilihan kawasan penginapan oleh pelancong domestik dan sekiranya terdapat perubahan dalam faktor pemilihan penginapan, apakah faktor-faktor yang mempengaruhi pelancong domestik dalam pemilihan kawasan penginapan itu di Port Dickson. Selain itu kajian juga dijalankan bertujuan mengenalpasti adakah konsep perubahan permintaan yang dikemukakan oleh Smith (1995) boleh diguna pakai dalam konteks pelancong domestik di kawasan kajian bagi tujuan membantu dalam perancangan pembangunan kawasan penginapan pada hadapan.

## **ABSTRACT**

This study is conducted to test the significances of Demand Shifters Concept by Smith (1995) and to determine the factors that influence the choice of accommodations for domestic tourists in context of Port Dickson. This is because according to Smith, (1995) the neoclassical conceptual of demand as a function of only a single variable which is price. This means during that time, price is the most important factor while choosing the accommodation. Smith (1995) had introduced a new concept, 'Demand Shifters' which explain that by changes of time and life style nowadays, demand shifters occur. Price is not the first factor that being considered while choosing accommodation. There are other factors that being considered too. Because of the reason, this study is conducted to determine the main factor that influence the choice of accommodations for domestic tourists and if there is a shift, what are the factors that influence the choice of accommodations for domestic tourists in Port Dickson. Other than that, this study is conducted to test either the Demand Shifters Concept that been introduced by Smith (1995) can be used or not in context of domestic tourist which aim to assist in future development planning for the study area.